Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd
199901001061 (475961-X)
Memenuhi segala keperluan bekalan air anda
Meeting all your water supply needs

24.11.2026
Siaran Media

DATO' IR. PATHMANATHAN K.
Ketua Pegawai Eksekutif, PBAHB dan PBAPP

BEKALAN AIR PULAU PINANG: FOKUS KEPADA FAKTA DAN ANGKA

- **Pelan Kontingensi Air 2030, Projek Air Perak-Pulau Pinang 2032 dan cadangan projek penyahgaraman air laut pada masa hadapan merupakan respons terhadap unjuran peningkatan penggunaan air sebanyak 27.2%, perubahan iklim serta risiko berkaitan Sungai Muda.**

PULAU PINANG, Selasa, 24.11.2026: PBAPP sedang mempercepatkan pelaksanaan projek-projek utama bekalan air bagi memastikan ketersediaan dan kestabilan bekalan air yang mencukupi untuk menyokong pertumbuhan Pulau Pinang pada masa hadapan.

Rasional pelaksanaan Pelan Kontingensi Air 2030 (WCP 2030), Projek Air Perak-Pulau Pinang 2032 (P-PWP 2032) dan cadangan pelan strategik penyahgaraman air laut adalah seperti berikut:

1. **Keluasan tanah yang terhad:** Pulau Pinang mempunyai keluasan tanah hanya 1,158 km². Melangkah ke hadapan, sumber air tawar mentah dalam negeri tidak mencukupi untuk menyokong pertumbuhan ekonomi yang pesat dan berterusan menjelang tahun 2030-an, apatah lagi untuk menangani ancaman perubahan iklim.

2. **Risiko dan cabaran Sungai Muda:** Sungai Muda merupakan sumber air mentah utama Pulau Pinang. Sejak tahun 2025, pengabstrakan air daripada sungai ini di Kedah telah dipertingkatkan bagi tujuan pengairan susulan peralihan Kedah kepada "Program Penanaman Padi 5 Musim dalam Tempoh 2 Tahun". Selain itu, PBAPP terpaksa melaksanakan Pelan Pengurusan Krisis Sungai Muda sejak tahun 2024 bagi mengelakkan insiden di sungai di Kedah daripada menjejaskan bekalan air kepada lebih 450,000 pengguna air di Pulau Pinang.

3. **Unjuran penggunaan air:** Pada tahun 2025, penggunaan air Pulau Pinang adalah sebanyak 865 juta liter sehari (JLH). Maklum balas daripada sektor pembuatan, pemaju hartanah, Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) dan PERDA menunjukkan bahawa penggunaan air dijangka meningkat sekurang-kurangnya 27.2% kepada 1,100 JLH menjelang tahun 2032.

4. **Perubahan iklim:** Perubahan iklim global telah menyebabkan taburan hujan tahunan di kawasan tadahan air Pulau Pinang menjadi semakin tidak menentu.

PBAPP terpaksa melaksanakan Pelan Tindakan Empangan Air Itam (AIDAP) dan D3PI (Pertahanan Berganda Empangan di Pulau Pinang) sepanjang tahun bagi memastikan Empangan Air Itam dan Empangan Teluk Bahang tidak mengalami kekeringan.

Fakta dan angka ini mencerminkan realiti cabaran bekalan air yang sedang dihadapi Pulau Pinang pada ketika ini dan pada masa hadapan.

Sebagai operator bekalan air berlesen yang memberikan perkhidmatan kepada Pulau Pinang, PBAPP perlu menangani cabaran-cabaran ini menerusi Pelan Hala Tuju Bekalan Air Pulau Pinang 2040 (PWSR 2040). Pencapaian utama yang digariskan dalam pelan hala tuju ini adalah:

- Menyiapkan semua projek WCP 2030 bagi meningkatkan jumlah kapasiti pengeluaran air terawat dalam negeri sebanyak 602 JLH, mentauliahkan empat (4) loji rawatan air (LRA) baharu di Seberang Perai serta mengepam lebih banyak air ke bahagian pulau dari LRA Sungai Dua.

- Membeli sebanyak 300 hingga 500 JLH air terawat dari Perak menerusi projek antara negeri P-PWP 2032 bagi membekalkan lebih banyak air ke Seberang Perai Selatan dan Seberang Perai Tengah, di samping menjamin sumber air utama kedua bagi Pulau Pinang.

- Memperkenalkan projek penyahgaraman air laut di lokasi-lokasi strategik pada tahun 2030-an bagi memastikan sistem bekalan air Pulau Pinang lebih berdaya tahan terhadap perubahan cuaca dan lebih mampan pada masa hadapan.

Penjimatan Air: Sokongan dan Kerjasama

Terdapat satu lagi fakta penting dan beberapa angka yang perlu kita berikan perhatian:

Walaupun Pulau Pinang berdepan cabaran bekalan air dan dikategorikan sebagai negeri yang mengalami tekanan sumber air, penggunaan air domestik per kapita di Pulau Pinang pada tahun 2025 adalah sebanyak 267 liter/kapita/hari (LKH). Sebagai perbandingan, purata kebangsaan bagi tahun 2025 ialah 225 liter, iaitu 18.7% lebih rendah. Singapura pula mencatatkan 141 LKH bagi tahun 2025.

Ringkasnya, secara purata, rakyat Pulau Pinang menggunakan lebih banyak air di rumah pada tahun 2025 berbanding rakyat Malaysia secara keseluruhan atau rakyat Singapura.

Sehubungan itu, PBAPP akan terus bekerjasama dengan pihak media massa untuk menggalakkan lebih ramai penduduk Pulau Pinang lebih “cakna air”.

Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd
199901001061 (475961-X)
Memenuhi segala keperluan bekalan air anda
Meeting all your water supply needs

Menjadi lebih cakna air bermaksud lebih peka terhadap status bekalan air Pulau Pinang, menggunakan air secara lebih berhemat di rumah, menjimatkan bil air domestik serta membantu mencapai sasaran penggunaan air negeri sebanyak 250 LKH bagi tahun 2026.

Pengurangan penggunaan air sebanyak 17 LKH sehari oleh semua pengguna air domestik di Pulau Pinang berpotensi menghasilkan penjimatan air sebanyak 30.6 JLH. Penjimatan sebanyak 30.6 JLH ini mampu menjadi faktor penentu antara berlakunya kekurangan air atau kecukupan bekalan air untuk semua kediaman dan premis perniagaan ketika berlakunya musim kering berpanjangan di Pulau Pinang.

Tidak sukar bagi pengguna air di Pulau Pinang untuk mengamalkan penggunaan air secara berhemat di rumah. Kami memohon kerjasama semua pengguna untuk mengamalkan tip penjimatan air domestik yang diterbitkan di laman web www.pba.com.my.

Terima kasih.

Dikeluarkan oleh: Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakbah
Seksyen Komunikasi Korporat
Email : comms@pba.com.my